

Dua pelajar maut kereta dinaiki terbabas

UM
25/8/03
Dalam
Negeri

BANDAR BARU NILAI 24
Ogos — Dua pelajar Kolej
Inti Seremban terbunuh
manakala dua lagi cedera,
termasuk seorang parah
apabila kereta yang mere-
ka naiki terbabas dan me-
rempuh pembahagi jalan
sebelum melanggar pokok
kelapa sawit berhampiran
stesen minyak di Jalan
Bandar Baru Nilai di sini
malam tadi.

Pegawai Turus Trafik
negeri, Asisten Supriten-
dan Abdul Majid Abdul
Manaf berkata, mangsa
yang terbunuh ialah Wang
Lei, 19, dan Xu Ying Ting,
19, kedua-duanya warga-
negara China, manakala
pemandu kereta, Gan
Chun How, 19, dari Ta-
man Malim Jaya, Melaka,
mengalami cedera parah.

Menurutnya, dalam ke-
jadian pada kira-kira pu-
kul 9.10 malam itu, Wang
Lei yang tercampak kelu-
ar daripada kereta manak-
ala Ying Ting yang terse-
pit di bahagian tempat
duduk belakang mati di
tempat kejadian akibat
kecederaan parah di baha-
gian badan dan kepala.

Parah

Katanya, Chun How
yang cedera parah di ba-
hagian badan dimasukkan
ke wad Hospital Melaka,
manakala seorang lagi
mangsa yang mengalami
kecederaan ringan iaitu
Zhang Heng, 18, yang juga
warganegara China seda-
ng mendapatkan rawatan
lanjut di wad Hospital Se-
remban.

“Mayat kedua-dua ma-
ngsa telah dihantar ke
bilik mayat Hospital Se-
remban untuk bedah sia-
sat dan kita sudah me-
maklumkan kepada pihak
kolej untuk proses tuntut-
an mayat,” katanya ketika
dihubungi bagi mengesah-
kan kejadian itu di sini,
hari ini.

Abdul Majid memberita-
hu, siasatan awal menda-
pati pemandu kereta itu
dipercayai hilang kawalan
akibat keadaan jalan yang
licin sebelum terbabas dan
merempuh pembahagi ja-
lan sebelum melanggar po-
kok kelapa sawit di tepi
jalan berkenaan.

“Mereka dipercayai da-
lam perjalanan pulang da-
ri Nilai menuju ke kolej di
Seremban selepas makan
malam dan kejadian berla-
ku ketika hujan lebat,” ka-
tanya.

Kata beliau, polis akan
mendapatkan keterangan
lanjut mengenai kejadian
itu daripada dua mangsa
yang cedera setelah mere-
ka pulih.